



Malaysia Prihatin : Tanggungjawab Kita Sebagai Rakyat Malaysia

Oleh:

BALQIS AFRINA BINTI ABDUL RAZAK

“Merdeka!” Tunku Abdul Rahman selaku Perdana Menteri Malaysia pertama melaungkan perkataan yang amat bermakna kepada seluruh rakyat Persekutuan Tanah Melayu ketika itu sebanyak 7 kali di Stadium Merdeka. Detik bersejarah yang menamatkan penjajahan British di Tanah Melayu serta penggabungan Sabah dan Sarawak bersama Tanah Melayu yang membentuk Malaysia pada hari ini merupakan peristiwa yang amat penting bagi seluruh rakyat Malaysia. Kita perlu memastikan keharmonian yang kita peroleh ini tidak diganggu oleh mana-mana pihak yang tidak senang melihat keamanan negara kita. Hal ini demikian kerana jika berlaku sebarang pertengkaran antara rakyat, kita akan mengalami kesukaran untuk meningkatkan kemajuan Malaysia. Jadi, kita hendaklah menggalas tanggungjawab sebagai rakyat Malaysia dengan penuh dedikasi,

Tanggungjawab utama kita selaku penduduk negara Malaysia adalah dengan menumpukan taat setia kepada negara. Jika seseorang itu tidak mempunyai kesetiaan terhadap negara kelahirannya, dia tidak akan sanggup berjuang demi negaranya. Perkara ini amat membimbangkan kita terutama sekali jika majoriti rakyat Malaysia bersikap sedemikian. Hal ini bersangkut-paut dengan keselamatan negara yang menjadi taruhan. Malaysia akan mudah diserang oleh musuh jika rakyat tidak menanamkan rasa cinta akan negara kerana kemungkinan besar terdapat gunting dalam lipatan. Rahsia-rahsia negara akan mudah diketahui oleh musuh negara dan mampu membahayakan masyarakat Malaysia itu sendiri. Malaysia juga akan mengalami kesukaran untuk menjadi negara maju. Hal ini tercetus apabila tiada sesiapa yang mahu menaikkan nama Malaysia di mata dunia. Rakyat hanya memikirkan soal kehidupan mereka sendiri tanpa mempunyai rasa mahu

membanggakan tanah air. Misalnya, tiada peningkatan berlaku terhadap teknologi negara kerana tiada yang peduli untuk memudahkan lagi hidup masyarakat Malaysia. Sehubungan dengan itu, rakyat Malaysia hendaklah memupuk semangat patriotik dalam diri masing-masing agar maruah negara kita terjaga.

Selain itu, rakyat Malaysia haruslah menuntut ilmu dan menyampaikan ilmu kepada orang lain. Dalam memastikan peningkatan kemajuan sesebuah negara itu dalam pelbagai bidang, penduduk di negara berkenaan mestilah mempunyai pengetahuan ilmu yang tinggi dalam berlainan bidang. Jadi bagi memastikan negara kita mencapai negara maju, kita perlu bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu. Kita juga tidak boleh mementingkan diri dalam menuntut ilmu sebaliknya membantu orang lain dalam memahami ilmu yang kita pelajari. Jika kita hanya cuba menjadi yang terbaik tanpa memikirkan orang lain, negara Malaysia akan tetap sukar untuk menjadi negara maju. Hal ini terjadi kerana sebarang kemajuan akan sukar dicapai jika hanya seorang dua sahaja yang mahir dalam sesuatu bidang itu. Perkara ini sesuai dengan peribahasa ibarat telur sesangkak, pecah sebiji, pecah semua. Natiujahnya, kita perlulah menimba ilmu sebanyak yang mungkin serta menyebarkan ilmu tersebut kepada orang yang kurang berpengetahuan agar dapat melahirkan masyarakat yang berpengetahuan luas dalam pelbagai bidang.

Pada waktu yang sama, rakyat Malaysia juga perlulah menghormati antara satu sama lain. Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai kaum jadi tidak hairanlah jika terdapat perbezaan tradisi dan pegangan antara kita semua. Perbezaan inilah yang harus setiap rakyat Malaysia hormati dan hargai. Jika ada antara kita yang bersikap tidak sopan terhadap tradisi dan pegangan kaum lain, maka perpaduan antara rakyat Malaysia akan sukar untuk dibentuk. Perpaduan antara rakyat amat penting dalam memastikan kesejahteraan negara kerana tiada negara yang dapat diduduki dengan aman tanpa keserasian penduduknya. Jadi, kita harus memastikan kita bergaul dengan setiap kaum yang ada di Malaysia dengan baik dan cuba memahami budaya dan adat resam kaum lain. Sebagai contoh, kita boleh melawat jiran tetangga dan rakan kita yang berlainan kaum semasa hari perayaan mereka untuk mengenali budaya mereka dengan lebih mendalam. Jelaslah disini

bahawa kita mestilah bersatu tanpa mengira kaum supaya kedamaian negara tidak terjejas. Bak kata pepatah, bersatu teguh bercerai roboh.

Seterusnya, warganegara Malaysia hendaklah mematuhi segala peraturan dan undang-undang negara. Peraturan dan undang-undang yang terdapat di Malaysia ini bukanlah untuk menghadkan kebebasan atau untuk mengawal pergerakan kita tanpa sebab yang munasabah. Peraturan dan undang-undang Malaysia diperlukan bagi memastikan tidak berlakunya sebarang insiden yang tidak diingini. Antaranya adalah seperti tanpa adanya Akta Keganasan Rumahtangga 1994 (Pindaan) 2017 di dalam undang-undang Malaysia, keganasan rumah tangga akan terus meningkat di negara ini. Hal ini amat membimbangkan kerana mangsa keganasan tersebut akan mengalami kesukaran untuk menyelamatkan dirinya daripada pelaku keganasan tersebut. Negara juga akan menjadi huru-hara akibat berlakunya pelbagai bentuk jenayah yang dilakukan oleh rakyat. Hal ini disebabkan oleh setiap individu hanya bertindak sesuka hati dalam apa jua perbuatan mereka. Oleh itu, kita haruslah akur akan peraturan dan undang-undang negara agar negara kekal makmur. Berpeganglah pada peribahasa di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung.

Akhir sekali, rakyat Malaysia mestilah menegur pemimpin secara berhemah sekiranya berlaku sebarang bentuk kesalahan yang dilakukan oleh beliau. Sehebat mana pun profil seseorang itu pasti akan ada kekurangannya. Hal ini tidak terkecuali kepada para pemimpin negara kita. Jadi, sebagai seorang rakyat Malaysia yang prihatin akan tanah airnya, kita perlu menasihati para pemimpin apabila mereka membuat sebarang kesilapan semasa membuat sebarang keputusan berkaitan hal-hal negara. Namun, kita tidak boleh bersikap tidak sopan dalam menasihati pemimpin kita tetapi perlu memberitahu tentang kesalahan pemimpin secara baik. Tindakan tersebut perlu dilakukan agar tidak berlaku konflik antara rakyat dan pemimpin. Sekiranya berlaku konflik antara kedua-dua belah pihak, negara akan berada dalam keadaan kucar-kacir. Jadi, rakyat Malaysia perlu memastikan teguran yang dibuat terhadap para pemimpin tidak dilakukan dalam bentuk makian, cacian mahu pun hinaan. Satu cara yang boleh dilakukan oleh rakyat Malaysia untuk menegur para pemimpin tanah air adalah dengan mengadakan protes secara aman. Melalui cara ini, pemimpin dapat melihat ketidakpuashatian rakyat terhadap apa yang mereka lakukan dan dapat memperbetulkan semula kesilapan yang telah dilakukan sebelum ini. Janganlah kita lupa akan peribahasa bahasa menunjukkan bangsa.

Daripada penerangan di atas jelaslah bahawa setiap rakyat Malaysia harus menjalankan tanggungjawab mereka dengan baik sebagai rakyat negara ini bagi mewujudkan sebuah negara yang aman dan makmur. Dengan melaksanakan tanggungjawab yang ada, rakyat Malaysia akan menjadi warganegara yang lebih matang dan berfikiran rasional dalam melakukan sebarang tindakan. Perkara ini akan menjadi suatu kelebihan kepada negara Malaysia yang mana rakyatnya akan mencuba sebaik mungkin bagi memajukan lagi negara sehingga mampu duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan negara-negara maju seperti Korea Selatan, Jepun dan Singapura. Perkara ini juga dapat melahirkan generasi baru yang bermoral tinggi dan berwawasan tinggi. Senario ini persis dengan peribahasa Melayu, yakni asal ditugal ada benihnya. Oleh itu, rakyat Malaysia perlulah melaksanakan tanggungjawab mereka terhadap negara agar dapat membentuk sebuah negara yang dipandang tinggi oleh masyarakat dunia kelak.